

**KESAN PELABURAN LANSUNG ASING (PLA) KE ATAS EKONOMI  
MALAYSIA**  
**THE IMPACT OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) ON MALAYSIAN ECONOMY**

*ANIS MARDIANA ABDULLAH*

*ABSTRAK*

Dengan menggunakan data siri masa antara tahun 1970 hingga 2009, kajian ini bertujuan untuk melihat profil serta ciri-ciri pelaburan langsung asing di Malaysia serta melihat kesannya ke atas ekonomi Malaysia dari segi pertumbuhan, perdagangan dan imbalan pembayaran. Ujian punca unit versi *Augmented Dickey Fuller* (ADF) digunakan untuk menguji tahap kepenggunaan serta darjah integrasi setiap data siri masa yang digunakan, manakalajian kointegrasi dijalankan bagi menguji wujudnya hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah. Untuk mengukur kesan serta arah hubungan antara (PLA) dengan faktor yang dikaji (pertumbuhan, perdagangan dan imbalan pembayaran) iaitu model yang mempunyai pemboleh ubah yang pelbagai teknik Vektor Auto-Regrasi (VAR) digunakan. Bagi tujuan membuat anggaran pula teknik model persamaan tunggal telah digunakan. Kajian mendapati PLA mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan pertumbuhan ekonomi, eksport dan import. Kesan ke atas imbalan perdagangan pula menunjukkan dalam jangka pendek terdapat kesan positif dan signifikan dalam hubungan PLA dengan jumlah imbalan pembayaran. Namun begitu hubungan jangka panjang antara PLA dengan imbalan pembayaran tidak dapat ditentukan dengan tetap.

*Kata Kunci* : Pelaburan Langsung Asing, Ekonomi, Perdagangan.

*ABSTRACT*

Using time series data from 1970 to 2009, this study attempts to inspect profiles and traits of FDI in Malaysia as well as to examine its impact on Malaysian economy from various aspects such as economic growth, trade and balance of payment. An Augmented Dickey Fuller test is performed to check stationarity of the data used, while co integration test in VAR model is utilized to examine long run relationship among the selected variables. Moreover, a single equation model is used to perform the estimation. The results show that FDI is positively significant in influencing economic growth, exports and imports while the effect of FDI on balance of payment seems to be mixed and inconclusive. However, FDI has a positive effect on balance of payment in the short run.

*Ke words*: Foreign Direct Investment, Economy, Trade

**PENGENALAN**

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka oleh itu, prestasi ekonomi Malaysia terdedah kepada keadaan persekitaran ekonomi antarabangsa khususnya dari aktiviti perdagangan dan aliran kewangan. Dalam usaha meningkatkan daya saing ekonomi, Malaysia telah meliberalisasikan ekonominya dengan melibatkan diri dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua-hala dan serantau serta Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) bagi memberi keyakinan kepada pelabur tentang faedah yang akan diraih hasil komitmen liberalisasi pelaburan dan perdagangan. Langkah ini seiring dengan usaha kerajaan bagi memastikan negara bersedia menghadapi fenomena globalisasi ekonomi khususnya dalam sektor kewangan yang melanda dunia kini. Globalisasi kewangan merujuk kepada pemusatan pasaran kewangan melalui integrasi aliran modal antarabangsa dan ia juga berkait rapat dengan pelaburan langsung asing (PLA).

Menurut *Balance of Payment Manual* (1993), PLA merujuk kepada kategori pelaburan antarabangsa yang menggambarkan objektif entiti residen dalam sesebuah ekonomi mendapatkan pegangan berkekalan dalam enterprise residen sesebuah ekonomi negara yang lain. Pegangan berkekalan merujuk kepada wujudnya hubungan jangka panjang antara pelabur dan enterprise serta darjah pengaruh pelabur yang signifikan ke atas pengurusan enterprise. Dalam hal ini, Malaysia telah lama terdedah dengan PLA, bermula dari zaman penjajahan British lagi di mana kemasukan PLA begitu pesat dalam industri bijih timah serta perladangan getah. Pada zaman sebelum merdeka ini juga, aktiviti ekonomi negara didominasi oleh pelabur asing dengan hampir kesemua aktiviti dalam sektor perkhidmatan seperti perbankan, perkapalan dan sebagainya dimiliki oleh pelabur dari Britain. Selepas merdeka, kerajaan terus mengamalkan dasar penggalakan PLA sebagai dasar dalam membangunkan ekonomi negara.

Globalisasi kewangan di Malaysia telah membantu meningkatkan aliran modal domestik negara malah PLA dilihat sebagai pendorong utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelbagai langkah reformasi polisi telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha menarik minat pelabur asing untuk melabur ke dalam negara. Pengenalan Akta Insentif Pelaburan 1968, pembukaan zon perdagangan bebas pada awal tahun 1970an, kepelbagaian insentif eksport disertai dengan polisi terbuka negara pada tahun 1980an telah meningkatkan kadar PLA dalam negara. Dalam usaha menarik lebih banyak pelabur asing, kerajaan juga telah memperkenalkan Akta *Promotion of Investment* (PIA) 1986 yang membenarkan pemilikan ekuiti yang lebih besar kepada pelabur asing dan usaha ini telah berjaya meningkatkan kadar PLA sehingga mencecah pertumbuhan purata 38.7 peratus bagi tempoh 1986 hingga 1996. Selain dari pelbagai polisi penggalakan PLA, persekitaran ekonomi negara dari segi pengurusan makroekonomi yang baik, pertumbuhan ekonomi yang mapan serta kedudukan sistem kewangan negara yang kukuh juga menjadi daya tarikan utama pelabur untuk melabur ke dalam negara.

Penggalakan PLA oleh kerajaan adalah kerana PLA telah memanfaatkan negara dari segi :

- Meningkatkan hasil negara, jumlah pengeluaran serta pendapatan negara melalui penjimatan import dan juga sistem percukaian.
- Menambahkan peluang pekerjaan dalam negara
- Meningkatkan pemindahan teknologi serta kemahiran bagi industri berskala besar ke dalam negara
- Meningkatkan pendapatan per kapita negara

Corak aliran PLA di Malaysia berubah mengikut perubahan ekonomi negara. Pada awalnya PLA di Malaysia lebih tertumpu kepada sektor primer iaitu pertanian dan perlombongan sesuai dengan pengkhususan ekonomi negara ketika itu. Aliran masuk PLA lebih kepada aktiviti seperti perladangan getah, kelapa sawit dan juga perlombongan bijih timah. Maka tidak hairanlah dalam tahun 1970an Malaysia terkenal sebagai antara negara pengeluar bijih timah dan getah terbesar di dunia. Perubahan fokus ekonomi negara ke arah sektor pembuatan dalam tahun 1980an dan pelbagai insentif dalam sektor ini telah mengubah aliran PLA dari sektor primer ke sektor sekunder. Tumpuan PLA lebih kepada produk elektrik dan elektronik, kimia dan bahan kimia, produk besi, keluli dan logam, produk galian bukan logam, pengeluaran makanan dan produk plastik dan peralatan saintifik. Ini telah mendorong Malaysia menjadi antara 20 negara pengeksport dunia terutama dalam produk elektrik dan elektronik.

Perubahan fokus ke sektor perkhidmatan sebagai penjana ekonomi negara telah mengakibatkan nilai aliran masuk PLA berkurang berbanding jumlah yang dinikmati pada tahun 1990an. Namun begitu, perkara ini bukanlah sesuatu yang menggugat keadaan ekonomi Malaysia, ini kerana pelaburan dalam sektor perkhidmatan lebih berbentuk pelaburan kepada aktiviti berasaskan pengetahuan. Aktiviti seperti ini melibatkan pelaburan ke atas pengenalan teknologi baru dan membawa masuk kemahiran khas yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan ianya mempunyai kandungan import yang rendah. Fokus diberikan kepada sektor perkhidmatan kerana sektor ini mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan mempunyai kesan pengganda yang lebih besar ke atas pendapatan dan guna tenaga.

## **PELABURAN LANSUNG ASING: SATU TINJAUAN KRITIS**

Secara keseluruhannya, Malaysia menikmati aliran masuk PLA yang tinggi dengan beberapa gangguan kepada tren ini seperti Krisis Kewangan Asia 1997 – 1998, Krisis DotCom 2000 dan Krisis Subprima

2008. Persaingan dari negara pengeluar berkos rendah lain seperti Viet Nam dan China telah menyebabkan kadar kemasukan PLA di Malaysia semakin menurun sehinggakan pada tahun 2005 Malaysia diletakkan di tangga ke 62 dalam senarai penerima PLA dunia sedangkan pada tahun 1990 Malaysia berada di tangga ke empat. Sungguhpun tren aliran masuk PLA menunjukkan pengurangan, namun ianya tidak begitu membimbangkan kerana bagi tahun 2008, sebahagian besar PLA adalah dalam sektor perkhidmatan khususnya perkhidmatan kewangan dan sektor pengedaran yang mana pelaburannya melibatkan pelaburan kepada teknologi pengetahuan dan bukannya pembangunan fizikal. Pelaburan sebegini sememangnya tidak memerlukan modal yang besar namun ianya mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Tren PLA di Malaysia dapat dilihat di Rajah 1.

Agihan PLA di Malaysia pula lebih tertumpu di sektor pembuatan pada tahun 1980an hinggalah tahun 2005, ini kerana pada masa tersebut tumpuan pembangunan aktiviti ekonomi negara lebih kepada sektor pengeluaran barangan untuk dieksport. Menjelang tahun 2006, Malaysia telah menumpukan kepada sektor perkhidmatan untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu, bermula tahun 2005 terdapat peningkatan aliran masuk PLA ke sektor ini. Perubahan arah agihan PLA ini dapat dilihat di Jadual 1.

Pada zaman sebelum merdeka, PLA di Malaysia didominasi oleh Britain terutama dalam sektor pertanian dan perlombongan dan tren ini berterusan selepas kemerdekaan melalui hubungan Malaysia dalam negara Komonwel. Namun pada era pemerintahan Tun Dr Mahathir, Malaysia telah mengamalkan Dasar Pandang ke Timur dan ini membuka peluang pelaburan kepada negara lain seperti Jepun, Taiwan dan Korea Selatan. Polisi ini telah berjaya meningkatkan pelbagai sumber PLA dalam negara sehingga mencecah 60 buah negara sumber. Jadual 2 menunjukkan jumlah PLA bagi 10 buah negara pelabur utama di Malaysia di antara tahun 2003 hingga 2007.

Kekurangan modal domestik menyebabkan Malaysia sangat bergantung kepada pembiayaan dari PLA untuk meningkatkan aktiviti ekonomi. Sungguhpun demikian, didapati syarikat PLA yang berada di Malaysia tidak memindahkan pengetahuan dan kemahiran mereka ke dalam negara. Selain itu, kebergantungan ekonomi negara kepada PLA merupakan satu ancaman kepada kestabilan ekonomi. Ini seperti yang dibuktikan pada tahun 2009 yang mencatatkan aliran modal yang begitu besar ke luar negara oleh syarikat multinasional (MNC) bagi menyelamatkan syarikat induk mereka yang terjejas akibat krisis subprima.

Sehubungan dengan itu, memandangkan keadaan persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu serta tiada pindahan teknologi ini, maka kerajaan dalam perancangan pembangunan ekonomi telah mengambil langkah untuk memberi tumpuan kepada pelaburan domestik. Sasaran kerajaan adalah untuk mengimbangkan kadar PLA dengan pelaburan domestik dari nisbah 70:30 kepada nisbah 50:50 dalam tempoh Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK 10). Selain itu, RMK10 juga telah menggariskan bahawa pakej insentif yang akan ditawarkan kepada PLA akan dikenakan syarat yang ketat bagi memastikan pemindahan pengetahuan berlaku. Fokus PLA juga lebih kepada pelaburan dalam aktiviti yang bernilai tinggi yang dapat menggalakkan kesan limpahan yang berganda kepada ekonomi. Selain itu, tumpuan sumber PLA juga akan dialihkan kepada negara seperti China, India dan Asia Timur memandangkan negara – negara ini berminat untuk melabur dalam aktiviti berasaskan sumber asli.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Oleh kerana kekurangan modal domestik maka kerajaan terus berusaha untuk menarik PLA ke dalam negara dengan menawarkan pelbagai insentif serta kemudahan infrastruktur khusus untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini bertujuan untuk melihat profil serta ciri – ciri pelaburan langsung asing di Malaysia serta melihat kesannya ke atas ekonomi Malaysia dari segi pertumbuhan, perdagangan dan imbalan pembayaran.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pada asalnya, PLA dilihat sebagai satu sumber modal yang dapat digunakan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Terdapat bukti yang menunjukkan PLA meningkatkan perubahan teknologi melalui penyebaran teknologi kerana MNC akan bertumpu dalam industri yang mempunyai nisbah penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang tinggi berbanding jualan dengan bilangan pekerja

teknikal dan profesional yang besar (Markusen, 1995). MNC juga memberikan negara membangun laluan kepada teknologi terkini melalui penggunaan mesin serta limpahan pengetahuan melalui peniruan, persaingan, rantaian serta latihan (Kinoshita, 1998; Sjöholm, 1999).

Bukti empirikal menunjukkan bahawa PLA memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan ekonomi negara berbanding sekiranya negara tersebut hanya bergantung kepada sumber modal domestiknya sahaja. Namun begitu berlaku perdebatan antara ahli ekonomi berkenaan kos ke atas ekonomi negara penerima PLA seperti kesan “*crowding-out*” pelaburan ke atas syarikat tempatan. Terdapat juga perdebatan berkenaan kesan ke atas makroekonomi seperti kemerosotan ke atas imbalan pembayaran serta perdagangan negara.

Agrawal (2000) dalam kajiannya mengenai kesan PLA ke atas pertumbuhan KDNK Asia Selatan mendapati kemasukan PLA menyebabkan kemerosotan pertumbuhan kesan perolehan dari keuntungan yang melampau serta perdagangan yang tidak terbuka serta gangguan dalam pasaran kewangan dalam tempoh 1960 hingga 1970an. Namun begitu, selepas kerajaan meliberalisasikan ekonomi, PLA telah membantu pertumbuhan ekonomi dengan lebih cepat melalui pengurangan gangguan dalam perdagangan dan pasaran kewangan serta sumbangan pengetahuan teknologi dalam persekitaran yang bersaing.

Kajian spesifik ke atas Malaysia pula menunjukkan peningkatan 1 peratus dalam pertumbuhan PLA menyebabkan peningkatan 0.01 peratus dalam kadar pertumbuhan ekonomi (Wong dan Jomo, 2005). Keputusan ini menyokong kajian oleh Ghazali Atan (1990) yang mendapati PLA mempunyai hubungan positif dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia di antara tahun 1961 hingga 1986. Kajian oleh Phang (1991) juga membuktikan PLA memberikan pemangkin kepada kadar pertumbuhan ekonomi serta peluang pekerjaan di Malaysia pada awal tahun 1980an. Namun begitu, menurut Phang, PLA menyebabkan kesan negatif yang penting ke atas kedudukan imbalan pembayaran Malaysia. Sungguhpun demikian terdapat juga kajian yang menunjukkan PLA tidak mempunyai hubungan dengan pertumbuhan ekonomi. Kajian oleh Karimi, Mohd Saleh dan Yusop (2009) menunjukkan tiada hubungan penyebab antara PLA dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kajian yang menggunakan teknik ujian penyebab Toda-Yamamoto ini mencadangkan bahawa tidak terdapat bukti yang kukuh terdapatnya hubungan penyebab duahala antara KDNK dan PLA. Selain itu, mereka juga mendapati tiada hubungan jangka panjang antara PLA dengan KDNK di Malaysia.

Mengikut teori perdagangan antara dua negara, tahap kesimbangan harga akan tercapai melalui perdagangan antarabangsa atau pergerakan faktor pengeluaran di mana pergerakan faktor merupakan pengganti kepada aliran perdagangan. Namun begitu, perdagangan barang dan pergerakan modal merupakan faktor pelengkap antara satu sama lain iaitu peningkatan modal akan menggalakkan lagi perdagangan barang. Dalam kajian oleh Belderbos dan Sleuwaegen (1998) didapati PLA syarikat Jepun di Eropah pada tahun 1980an berbentuk pengganti didorong oleh peraturan anti-dumping oleh European Commission (EC) serta beberapa sekatan yang dikenakan ke atas barangan import dari Jepun. Kemasukan PLA ini telah menggantikan perdagangan barangan akhir namun pada masa yang sama, didapati berlaku peningkatan import untuk barangan perantara yang digunakan sebagai input dari Jepun ke Eropah. Kajian ke atas 16 negara Latin Amerika dan Asian Pasifik menunjukkan beberapa negara ini menyokong teori yang mengatakan import akan mendahului aliran masuk PLA namun tiada bukti konklusif. Kadar eksport akan jatuh apabila kos operasi di luar negara meningkat yang menunjukkan bahawa pengeluaran oleh firma asing dan eksport mempunyai hubungan penggenap (De Mello dan Fukasaku, 2000).

Import barangan modal bagi pembangunan fizikal atau permodenan yang melibatkan PLA akan memberi kesan kepada kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran negara. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang berterusan akan menjejaskan keyakinan pelabur terutamanya bagi pelaburan portfolio. Selain kemasukan barangan modal, PLA juga menjejaskan kedudukan imbalan pembayaran melalui penghantaran pulang keuntungan yang diperolehi oleh MNC ini. Pembayaran faedah serta keuntungan ini boleh menyebabkan aliran keluar bersih pertukaran asing sekiranya ianya lebih besar dari jumlah PLA yang masuk bagi tahun tersebut. Dalam kes Malaysia, aliran keluar dividen bersih telah melebihi aliran masuk PLA bersih sebelum tahun 1991. Oleh yang demikian, sumbangan bersih dari PLA menjadi negatif. Dalam tempoh 1991 – 1996, sumbangan bersih PLA adalah positif hasil daripada peningkatan aliran masuk PLA yang telah menimbalkan balik aliran keluar dividen yang berlaku (Wong dan Jomo, 2005).

## DATA, METODOLOGI & KEPUTUSAN KAJIAN

Data yang digunakan merupakan data tahunan dari tahun 1970:2009 yang diperolehi dari Laporan Akaun Negara Tahunan, Laporan Perangkaan Ekonomi Malaysia – Siri Masa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga sumber data dari Kementerian Kewangan, *International Financial Statistics*, *International Monetary Fund* dan Bloomberg. Data yang digunakan merupakan siri masa pada harga malar.

### Ujian Punca Unit

Kaedah Augmented Dickey-Fuller (ADF) digunakan untuk menguji tahap stationari data siri masa yang digunakan. Ujian ini mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkorelasi dan mempunyai varians yang malar. Persamaan yang digunakan bagi ujian ADF adalah :

$$\Delta Y_t = \beta_1 + \beta_2 t + \delta Y_{t-1} + \gamma_i \sum_{i=1}^n \Delta Y_{t-i} + \varepsilon_t$$

$\Delta Y_t$  ialah pemboleh ubah yang diuji (pertumbuhan, eksport, import dan imbalan pembayaran),  $\Delta Y_{t-1}$  pula menunjukkan lag perbezaan pertamanya,  $\Delta$  ialah simbol pembezaan,  $\varepsilon_t$  adalah ralat manakala  $\alpha$ ,  $\beta$  dan  $\gamma$  ialah pemboleh ubah yang perlu dianggarkan. Hipotesis yang digunakan ialah :

$$H_0 : \delta = 0, \quad H_a : \delta < 0$$

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian punca unit yang diperolehi. Secara keseluruhannya, kesemua data siri masa yang digunakan mencapai tahap kepegungan pada peringkat perbezaan pertama iaitu  $H_0$  dapat ditolak kecuali bagi data akaun semasa. Penolakan  $H_0$  ini menunjukkan terdapat kemungkinan wujudnya hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah oleh itu langkah seterusnya ialah dengan melakukan ujian kointegrasi Johansen.

### Ujian Kointegrasi Johansen

Kesan penyebab antara pemboleh ubah dinilai menggunakan ujian kointegrasi Johansen. Keputusan ujian Kointegrasi Johansen tidak dapat memberikan perhubungan sebenar antara pemboleh ubah dengan keputusan memberikan nilai tidak signifikan kepada kewujudan kointegrasi dalam persamaan. Namun begitu kesan ke atas imbalan perdagangan pula menunjukkan dalam jangka pendek terdapat kesan positif dan signifikan dalam hubungan PLA dengan jumlah imbalan pembayaran. Namun begitu hubungan jangka panjang antara PLA dengan imbalan pembayaran tidak dapat ditentukan dengan tetap. Keputusan jadual kointegrasi dapat dilihat di Jadual 5. Seterusnya anggaran bagi setiap pemboleh ubah dilakukan kecuali bagi imbalan pembayaran.

### Model Penganggaran Vektor Pembetulan Ralat (VECM)

Oleh kerana ujian Johansen tidak dapat memberikan keputusan yang signifikan, model VECM digunakan untuk menilai samada wujudnya hubungan jangka pendek antara pemboleh ubah. Model yang digunakan bagi kajian adalah seperti berikut :

$$\begin{aligned} \text{Pertumbuhan} & : \log YM = \alpha + \beta_1 \log DIV + \beta_2 \log FDI + \beta_3 \log Div-1 + \beta_5 \log FDI-1 + \varepsilon_{t-1} \\ \text{Eksport} & : \log X = \alpha + \beta_1 \log YW + \beta_2 \log DIV + \beta_3 \log FDI + \beta_4 \log YW-1 \\ & \quad + \beta_5 \log DIV-1 + \beta_6 \log FDI-1 + \varepsilon_{t-1} \\ \text{Import} & : \log M = \alpha + \beta_1 \log DIV + \beta_2 \log FDI + \beta_3 \log YM + \beta_4 \log DIV-1 \\ & \quad + \beta_5 \log FDI-1 + \beta_6 \log YM-1 + \varepsilon_{t-1} \end{aligned}$$

Hasil penganggaran dari model adalah seperti di Jadual 6.

### RUMUSAN & IMPLIKASI DASAR

Kajian ini bertujuan untuk melihat profil serta ciri – ciri PLA di Malaysia serta melihat kesannya ke atas ekonomi Malaysia dari segi pertumbuhan, perdagangan dan imbalan pembayaran. Profil PLA di Malaysia bermula sejak zaman sebelum merdeka dan terus menjadi sumber modal yang penting dalam

pembangunan ekonominya. Insentif penggalakan PLA pada tahun 1980an telah menjadikan Malaysia antara negara penerima PLA terbesar dunia dengan penumpuan kepada sektor pembuatan. Pada akhir tahun 1990an dan di era millenium, corak PLA dilihat telah berubah kepada sektor perkhidmatan, ini sesuai dengan dasar kerajaan Malaysia untuk beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Sungguhpun kadar kemasukannya lebih rendah tetapi PLA dalam sektor perkhidmatan dapat memberikan nilai ditambah yang lebih tinggi dan mempunyai rantaian ekonomi yang lebih meluas.

Analisis siri masa pula menunjukkan bahawa dari segi pertumbuhan ekonomi, kesan penyebab PLA tidak begitu ketara berbanding dengan pelaburan domestik tetap. Pelaburan domestik tetap mempunyai nilai koefisien yang tinggi berbanding PLA namun ia tidak bermakna ianya lebih baik dari PLA. Keputusan ini mungkin kerana agihan pelaburan domestik tetap meliputi kesemua sektor ekonomi sedangkan bagi PLA, ianya lebih tertumpu kepada sektor pembuatan, oleh itu kesannya terhadap ekonomi tidak begitu ketara. Selain itu juga, nilai pelaburan domestik tetap adalah lebih besar dari PLA dan ini juga mempengaruhi kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi. Kajian oleh Karimi, Mohd Saleh dan Yusop (2009) mendapati PLA tidak menyebabkan pertumbuhan ekonomi sebaliknya ia mempengaruhi pindahan teknologi serta peningkatan produktiviti yang akhirnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi.

Kesan PLA ke atas perdagangan pula menunjukkan wujudnya hubungan positif antara PLA dengan eksport dan import. Kemasukan PLA menyebabkan peningkatan eksport begitu juga dengan peningkatan permintaan dunia akan mendorong peningkatan eksport. Namun begitu tren pelaburan domestik tetap tidak begitu mempengaruhi eksport sesuai dengan fokusnya yang lebih kepada memenuhi penggunaan domestik. Hubungan PLA dengan import juga menunjukkan tren positif dan ini menggambarkan bahawa barangan eksport Malaysia bersifat kandungan import yang tinggi. Lebih 80 peratus barangan import Malaysia merupakan barangan perantara yang juga merupakan input kepada barang eksport negara. Keputusan ini selaras dengan penemuan Noor Aini (2000) yang mendapati sebahagian besar perdagangan Malaysia melibatkan barangan perantara dan barangan perantara diimport untuk digunakan bagi meningkatkan eksport barangan akhir.

Secara keseluruhannya dapat dilihat PLA memberikan kesan yang positif kepada kedudukan ekonomi negara, namun begitu kesannya PLA ini tidak sempurna akibat terdapat kandungan import yang masih tinggi dalam barangan ekport dan ini memberi kesan negatif ke atas kedudukan imbalan pembayaran negara. Sumaffiatiee (2003) juga mendapati dalam tempoh 1980 – 87 sumbangan PLA kepada imbalan perdagangan ialah negatif akibat dari pendapatan eksport yang lebih rendah berbanding keuntungan yang dibawa balik oleh MNC. Sehubungan dengan itu, tumpuan perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar kandungan import ini dengan cara meningkatkan penyelidikan dan pembangunan, pembangunan sumber manusia yang mahir serta menggalakkan pendaftaran paten serta hak cipta rasmi agar teknologi yang dibangunkan ini dapat meningkatkan nilai ditambah kepada ekonomi negara.

Kajian ini hanya melihat kepada hubungan antara PLA dengan beberapa pemboleh ubah sahaja. Bagi mendapatkan profil serta kesan PLA yang lebih menyeluruh terhadap ekonomi Malaysia hubungan PLA dengan pekerjaan, produktiviti, limpahan teknologi serta pertumbuhan sektor ekonomi di Malaysia perlu dilakukan. Selain itu, kajian ini juga boleh ditambah baik dengan menggunakan data siri masa yang lebih banyak. Kajian ini menggunakan data tahunan, oleh itu pembetulan ralat yang dibentuk mengandungi satu lat sahaja, dengan penggunaan data siri masa suku tahunan lebih banyak lat dapat ditambah dan keputusan kajian akan lebih tepat.

## RUJUKAN

- Agrawal,P. 2000. Economic impact of foreign direct investment in South Asia. *World Bank*, Washington D.C.
- Bank Negara Malaysia. 1999. *The Central Bank and the Financial System in Malaysia: a Decade of Change*. Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Belderbos, R. dan Sleuwaegen, L. 1998. Tariff jumping DFI and export substitution: Japanese electronics firms in Europe. *International Journal of Industrial Organization, Elsevier* 16(5) : 601-638
- De Mello, L.R. dan Fukasaku, K. 2000. Trade and foreign direct investment in Latin America and Southeast Asia: temporal causality analysis. *Journal of International Development* 12(7):903-924
- Ghazali Atan 1990. An empirical evaluation of the effects of foreign capital inflows on the economy of Malaysia, 1961–1986. *PhD thesis, International Development Center, University of Manchester, Manchester*.

Gujarati, D. & Porter, D. 2009. *Basic Econometrics 5<sup>th</sup> Edition*. McGraw Hill, Singapore.

International Monetary Fund, 1993. *Balance of Payment Manual 5<sup>th</sup> Edition*. International Monetary Fund, Washington D.C.

Karimi, Mohd Saleh dan Yusop, 2009. FDI and economic growth in Malaysia. *Munich Personal RePEc Archive Paper No. 14999*. Munich.

Kinoshita, Y. 1998. Technology spillover through foreign direct investment, *The Center for Economic Research and Graduate Education - Economic Institute Working Paper Series No. 139*. Prague

Markusen, J.R. 1995. The boundaries of multinational enterprises and the theory of international trade. *Journal of Economic Perspectives* 9(2):169-89.

Mohd Ridaudin, Zuraini, Hisham dan Noraini, 2008. Foreign Direct Investment in Malaysia – Findings of the Quarterly Survey of International Investment and Service. *Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya*.

Noor Aini Khalifah. 2000. A typology of Malaysia's trade flows (1990 -1997): Structural shifts in the merchandise trade balance. *Journal of Economics and Management* 8 2(2000) :109-38. IUM Malaysia.


Phang H.E. 1998. *Foreign Direct Investment a study of Malaysia's Balance of Payment Position*. Pelanduk Publication, Kuala Lumpur

Sjoholm, F. 1999. Productivity growth in Indonesia: The role of regional characteristics and direct foreign investment. *Economic Development and Cultural Change*, University of Chicago Press 47(3): 559-84

Sumaffiatie Sulong. 2003. Kesan dan peranan pelaburan langsung asing ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. *Kertas Penyelidikan Sarjana*, UUM, Sintok.

Unit Perancang Ekonomi, 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011 - 2015*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Wong, H. K. dan Jomo, K.S. 2005. Before the storm: The impact of foreign capital flows on the Malaysian economy, 1966-1996. *Journal of the Asia Pacific Economy* 10(1):56-69.



RAJAH 1: Tren PLA di Malaysia

JADUAL 1: Agihan PLA megikut sektor

Sektor	2003		2004		2005		2006		2007	
	RM bil.	%	RM bil.	%	RM bil.	%	RM bil.	%	RM bil.	%
Pertanian	0.4	0.3	0.5	0.3	0.6	0.4	1.1	0.6	9.3	3.7
Perlombongan	8.3	5.3	6.5	4.0	7.1	4.2	15.7	8.3	20.7	8.2
Pembuatan	90.6	57.9	98.7	60.3	102.4	60.9	108.9	57.3	133.6	52.6
Pembinaan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.3	0.2	1.2	0.6	1.9	0.7
Perkhidmatan	56.9	36.3	57.7	35.3	57.3	34.1	63.2	33.2	88.4	34.8
Lain-lain	0.3	0.2	0.2	0.1	0.4	0.2	0.0	0.0	-0.1	0.0
<b>JUMLAH</b>	156.5	100.0	163.6	100.0	168.1	100.0	190.1	100.0	253.8	100.0

Sumber : Jabatan Perangkaan

JADUAL 2 : Kedudukan PLA 10 Negara Utama (RM bilion)

Negara	2003	2004	2005	2006	2007
Singapura	25.6	30.1	25.8	30.0	55.7
AS	27.9	29.3	41.1	43.2	49.2
Jepun	32.1	33.7	31.7	29.2	33.7
Netherlands	24.9	18.2	21.4	19.4	20.3
UK	13.9	16.6	12.4	17.2	19.4
Norway	0.4	0.4	0.6	8.7	10.9
Kepulauan British Virgin	0.6	1.0	1.2	0.8	10.7
German	6.4	7.4	5.3	9.8	9.4
Switzerland	9.8	11.5	10.6	14.5	9.2
Bermuda	-1.1	-1.1	0.0	1.2	3.1
Lain – lain	16.0	16.5	1.0	16.1	32.2
<b>JUMLAH</b>	156.5	163.6	168.1	190.1	253.8

Nota: Nilai negatif menunjukkan kerugian terkumpul syarikat PLA yang beroperasi di Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan

JADUAL 3 : Keputusan Ujian Punca Unit ADF

Pembolehubah	Simbol	Level	Pembezaan Pertama	Susunan Integration
KDNK Malaysia	YM	1.5197 (0.9991 <sup>TS</sup> )	-4.3810 (0.0013**)	I(1)
KDNK Dunia	YW	-0.1678 (0.9342 <sup>TS</sup> )	-3.9016 (0.0047*)	I(1)
Peaburan Lansung Asing	FDI	-1.784162 (0.3826 <sup>TS</sup> )	-4.244606 (0.0019**)	I(1)
Eksport	X	0.7805 (0.9924 <sup>TS</sup> )	-3.8790 (0.0050*)	I(1)
Import	M	0.6858 (0.9903 <sup>TS</sup> )	-4.4308 (0.0011*)	I(1)
Imbangan Pembayaran	BOP	-3.2975 (0.0218 <sup>TS</sup> )	-7.6054 (0.000**)	I(1)
Baki Akaun Semasa	CAB	0.8774 (0.9941 <sup>TS</sup> )	-3.3361 (0.201 <sup>TS</sup> )	I(0)

Tahap signifikan: TS = Tidak Signifikan, \* = 5%, \*\* = 1%



JADUAL 5: Keputusan Ujian Ko-integrasi Johansen

<b>PLA &amp; Pertumbuhan</b>							
<b>H<sub>0</sub></b>	<b>Nilai Eigen</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Nilai Kritikal (5%)</b>	<b>Nilai Kritikal (1%)</b>	<b>Jejak</b>	<b>Nilai Kritikal (5%)</b>	<b>Nilai Kritikal (1%)</b>
<b>r = 0</b>	0.657536	40.72042	22.2996	0.0000	58.3390	35.1927	0.0000
<b>r ≤ 1</b>	0.266593	11.78208	15.8921	0.1990	17.6186	20.2618	0.1111
<b>r ≤ 2</b>	0.142379	5.836546	9.16454	0.2037	5.83654	9.16454	0.2037
<b>PLA &amp; Eksport</b>							
<b>r = 0</b>	0.605329	35.32866	28.5880	0.0059	69.7907	54.0790	0.0011
<b>r ≤ 1</b>	0.382003	18.28832	22.2996	0.1656	34.4620	35.1927	0.0598
<b>r ≤ 2</b>	0.233154	10.08786	15.8921	0.3264	16.1737	20.2618	0.1664
<b>r ≤ 3</b>	0.147988	6.085862	9.16454	0.1842	6.08586	9.16454	0.1842
<b>PLA &amp; Import</b>							
<b>r = 0</b>	0.676546	42.89052	28.5880	0.0004	82.0771	54.0790	0.0000
<b>r ≤ 1</b>	0.447145	22.52169	22.2996	0.0466	39.1865	35.1927	0.0176
<b>r ≤ 2</b>	0.263287	11.61116	15.8921	0.2097	16.6654	20.2618	0.1455
<b>r ≤ 3</b>	0.124542	5.054297	9.16454	0.2775	5.05429	9.16454	0.2775
<b>PLA &amp; Imbangan Pembayaran</b>							
<b>r = 0</b>	0.674195	43.73676	27.58434	0.0002	79.53642	47.85613	0.0000
<b>r ≤ 1</b>	0.440507	22.64827	21.13162	0.0304	35.79966	29.79707	0.0090
<b>r ≤ 2</b>	0.231439	10.26620	14.26460	0.1950	13.15139	15.49471	0.1094
<b>r ≤ 3</b>	0.071309	2.885192	3.841466	0.0849	2.885192	3.841466	0.0894

JADUAL 6 : Penganggaran VECM

<b>Kesan PLA ke atas :</b>	<b>Hasil Penganggaran</b>		
<b>Pertumbuhan</b>	1.7022+ 0.4050 log DIV + 0.0111 log FDI		
<b>R-squared</b>	<b>0.992551</b>	Akaike info criterion	-2.017751
<b>Adjusted R-squared</b>	<b>0.991387</b>	F-statistic	852.7503
<b>Durbin-Watson stat</b>	<b>1.539849</b>	Prob (F-statistic)	0.000000
<b>Eksport</b>	-15.2139 + 0.8599 log YW + 0.6560 log DIV + 0.0163 Log FDI		
<b>R-squared</b>	<b>0.992260</b>	Akaike info criterion	-0.846028
<b>Adjusted R-squared</b>	<b>0.990512</b>	F-statistic	567.7096
<b>Durbin-Watson stat</b>	<b>1.589619</b>	Prob (F-statistic)	0.000000
<b>Import</b>	-6.5755 + 0.3909 log DIV + 0.0770 Log FDI + 0.6970 Log YM		
<b>R-squared</b>	<b>0.995642</b>	Akaike info criterion	-1.378483
<b>Adjusted R-squared</b>	<b>0.994658</b>	F-statistic	1011.778
<b>Durbin-Watson stat</b>	<b>2.047089</b>	Prob (F-statistic)	0.000000